

18/03/1998

Kegawatan ekonomi dan orang Melayu

KEGAWATAN ekonomi sejak pertengahan tahun lalu mungkin kurang dirasai orang Melayu kerana kebanyakan mereka tidak membabitkan diri dalam perdagangan antarabangsa atau pelaburan saham secara besar-besaran. Yang merasakan getirnya ialah mereka yang mewakili kaumnya di persada pembangunan ekonomi negara yang pesat dulu dan dikenali sebagai wira korporat. Sebagai kaum yang ramai makan gaji, dan dengan kerajaan pula, paling pahit dirasakan ialah apabila gaji tidak naik tetapi harga barangan keperluan harian melambung naik dan elaun dipotong.

Ketika makmur kita berbangga kerana pimpinan kita orang Melayu, menerusi Umno, membawa negara ke mercu kejayaan, bukan saja dari segi ekonomi tetapi membina landasan sosiopolitik melalui apa yang dikatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai perkongsian pintar antara parti politik perkauman. Ahli korporat Melayu dengan bergelungsur atas Dasar Ekonomi Baru (DEB) berjaya menembusi tembok ekonomi yang sekian lama tertutup kepada orang Melayu. Bagi mereka yang faham, penyertaan orang Melayu, walaupun melalui tokoh korporat terpilih, dalam dunia perdagangan yang memegang anak kunci kekayaan dan kejayaan negara adalah satu 'social engineering'.

Semua bermula daripada tidak keseimbangan ekuiti di antara kaum yang mencetuskan rusuhan 13 Mei 1969. Dengan ketegasan kerajaan Perikatan pimpinan Umno dan dengan kesefahaman positif MCA dan MIC, cita-cita mencapai ekuiti 30 peratus berjalan rancak hingga kita mengalami kegawatan ekonomi sekarang. Pakar ekonomi Barat, sering mengemukakan sebab kita menghadapi krisis ekonomi. Walaupun faktor itu ada yang munasabah dan boleh diterima, namun faktor sosiopolitik tempatan selalu dilupakan. Misalnya, *The Economist* (7 Mac 1998) dengan lantang menyalahkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebagai salah satu punca kita mengalami kemerosotan ekonomi sekarang dan sebab kita mengelakkan bantuan IMF supaya tidak dikenakan kawalan ketat oleh badan kewangan dunia itu.

Bukan hendak dikatakan tidak ada kesilapan pada pihak orang Melayu. Cerita bagaimana orang Melayu menjadi 'jutawan segera' walaupun tidak pandai berniaga, atau menjadi kaya melalui pembelian saham atas angin kerana ada kabel politik, ataupun meminjam modal berjuta ringgit daripada bank, juga kerana orang besar politik yang mengarah bank berbuat begitu dan pelbagai lagi sering didengar. Dalam pada itu, kita tidak patut lupakan mereka yang benar-benar berusaha sendiri, walaupun dibantu dasar positif kerajaan untuk berkecimpung dalam kancah ekonomi.

Walaupun tidak secara langsung mengalami keperitan yang dilalui negara dari segi ekonomi, namun beberapa kejutan yang membimbangkan bangsa Melayu menyedarkan kita betapa tergunanya usaha untuk mencapai 30 peratus ekuiti pegangan ekonomi Bumiputera. Matlamat belum tercapai, cuma setakat 20.3 peratus kita sudah dikejutkan oleh dua pengumuman kerajaan baru-baru ini. Namun reaksi daripada kalangan orang Melayu tidak pula menampakkan kegemparan atau kerunsingan amat sangat. Mungkin kerana orang Melayu masih belum dapat menilai sepenuhnya implikasi pengumuman itu atau mereka memang yakin kerajaan dapat menanganinya dengan baik. Sebenarnya, seperti yang dibincang sebuah makalah ('policy shift raises issues on Bumi equity') akhbar Sun, 8 Mac 1998, ia membabitkan Perlembagaan Malaysia mengenai kedudukan istimewa orang Melayu.

Pengumuman Tun Daim 'kerajaan akan membenarkan bukan Bumiputera membeli saham syarikat yang dimiliki Bumiputera' sepatutnya membimbangkan kita

apabila memikirkan kedudukan ekuiti yang dipegang orang Melayu akan merosot. Reaksi pertama dapat dilihat pada rancangan perbincangan di TV dan beberapa makalah di akhbar. Tetapi jelas emosi dan prasangka menghantui masyarakat Malaysia dalam soal seperti ini sudah ditinggalkan, kerana perbincangan nampak lebih rasional.

Kolum 'Ketam Batu' dalam akhbar ini (28 Februari 1998) adalah contoh perbincangan yang berimbang. Sambil memperkatakan kebimbangan dengan menunjukkan matlamat pencapaian DEB belum tercapai, namun keadaan sekarang memaksa tindakan rasional diambil seperti menyelamatkan syarikat Bumiputera daripada terus bermasalah dan akhirnya ditutup. Sebaliknya ia mengingatkan supaya usaha meningkatkan kedudukan ekonomi Bumiputera tidak diabaikan. Seperti katanya: "Lebih cepat matlamat mewujudkan ramai Bumiputera menjadi peniaga dan pemilik korporat tulen, lebih cepat juga apa saja dasar yang beri keistimewaan kepada mereka boleh dihentikan."

Pemuda Umno juga memperlihatkan reaksi berimbang. Sambil menyatakan kebimbangan ekuiti Melayu akan bertambah merosot dengan pengumuman Daim itu, realiti akibat kemerosotan ekonomi negara memang mencabar kewujudan sesetengah syarikat Bumiputera yang diwujudkan waktu zaman kerancakan ekonomi. Namun ketuanya terus menegaskan: "Pegangan Bumiputera dalam ekonomi harus mendapat pembelaan dan semangat DEB perlu terus dijunjung." (UM 26/2/98). Tidak syak bagi orang Melayu yang berkebolehan menyatakan pendiriannya, pendekatannya berimbang dan tidak lagi dipengaruhi emosi politik. Kedewasaan ini memberangsangkan.

Menarik juga komentar pemimpin bukan Melayu. Ketua MCA misalnya menekankan dengan orang bukan Melayu membeli saham syarikat Melayu syarikat Malaysia dapat kekal pada tangan orang Malaysia. Katanya: "Malaysians should be willing to help their countrymen who needed assistance." (Support for proposal on shares in Bumi firms, NST 26 Februari 1998). Dalam iklim menekankan 'Kemalaysiaan' seperti dikatakan Ketua MCA itu, jangan pula pertolongan itu dihulur kepada syarikat besar dan korporat Melayu yang bermasalah saja. Sepatutnya bantuan juga dihulurkan kepada golongan Bumiputera yang memerlukan, seperti mendapatkan rumah kos rendah atau peluang berniaga kecil-kecilan yang kita tahu lazimnya di bawah kawalan pemodal dan tauke Cina Malaysia.

Juga Ketua MIC, yang tindakannya pada awal-awal kegawatan ekonomi mendapat pujian majalah The Economist (Asia: The blind, the deaf and the dumb - 18 Oktober 1997) kerana mengetatkan sistem tender di kementerianannya daripada 'the practice of awarding such plums by negotiated tender'. Dengarnya ini membimbangkan kontraktor Bumiputera yang di bawah Dasar Ekonomi Baru, mendapat keutamaan bagi projek kecil dan sederhana dalam usaha kerajaan menambah bilangan Bumiputera sebagai usahawan. Namun, beliau sekarang peka ganjakan dasar itu 'would cause apprehension among the Bumiputeras' (NST, 26 Februari 1998).

Pandangan daripada parti pemerintah nampaknya penuh kesefahaman dengan ertikata menyelesaikan masalah daripada kegawatan ekonomi dengan mengambil kira keadaan tempatan dari segi sensitiviti sosiopolitik di negara ini. Hakikat wujudnya sensitiviti ini sebenarnya dicerminkan oleh pendirian parti pembangkang yang kita ketahui masih tebal dengan landasan perkauman, walaupun cuba sedaya-upaya menayangkan wajah berlainan. Bagi yang berlandaskan perkauman Melayu, ia dilihat sebagai pengurangan pegangan ekuiti ekonomi Melayu, sementara yang berlandaskan perkauman bukan Melayu melihatnya sebagai harapan permulaan penghakisan dasar yang dilihat selama ini sebagai mendiskriminasi kaum mereka.

Walaupun pengumuman Daim itu sebagai dasar dan dibatasi kenyataan PM dan TPM yang ia adalah sementara atau tidak menjejaskan kedudukan Bumiputera, mekanisme yang akan memenuhi semua kenyataan itu perlu diperjelas. Banyak penjelasan perlu diberi bagi mengelakkan kekaburan. Misalnya, bagaimana

melaksanakan anjakan dasar itu sebagai sesuatu yang sementara? Adakah saham yang sudah dijual itu akan dibeli semula apabila ekonomi pulih dan berapa banyak pula yang harus dibayar? Walaupun ada kenyataan dasar membantu kaum Bumiputera menerokai bidang ekonomi negara dan menambah pegangan ekuitinya mempunyai had masanya, apakah dirasakan inilah masanya kerajaan menamatkan dasar itu?

Pengumuman kedua yang tentunya merunsingkan orang Melayu ialah hasrat kerajaan menyuntik modal tambahan kepada bank tempatan yang menghadapi kekurangan modal, termasuk Bank Bumiputra. Walaupun diyakini simpanan pelanggan di Bank Bumiputra dijamin kerajaan, namun kesan pengumuman itu menyentak denyutan jantung orang Melayu. Bank yang lahir daripada Kongres Ekonomi Bumiputera dulu dan menjadi antara yang terbesar di Malaysia, menjadi lambang perbankan kaum Melayu, serta banyak yang menaruh keyakinan kewangan kepadanya, rupa-rupanya tidak terlepas daripada kesan kegawatan ekonomi.

Sementara kita mencapai satu tahap kedewasaan dari segi sosiopolitik, seperti yang tergambar pada reaksi orang Melayu terhadap kegawatan ekonomi sekarang, kita usah lupa perjuangan kita mencapai ekuiti ekonomi seperti yang dirangka melalui perjuangan politik belum terlaksana. Tindakan praktikal lagi rasional bagi mengatasi kegendalaan mungkin satu langkah ke belakang, tetapi yang pentingnya kita berusaha supaya langkah ke belakang itu memungkinkan kita melangkah dua tapak ke depan.

(END)